

TEMA-TEMA UTAMA DIALOG ISLAM- KRISTIAN PADA AWAL PERKEMBANGAN ISLAM: ANALISIS TERHADAP *AL-RADD ḤALÓ AL-NAŪRÓ*

Prof. Dr Wan Sabri Wan Yusof¹

wansabri@kuisas.edu.my

Salman Zainal Abidin²

salman@kuis.edu.my

Abstrak

Dialog antara cendikiawan Islam dan Kristian bukan perkara baru dalam wacana *Religionswissenschaft*. Peringkat awal perkembangan Islam merekodkan para cendikiawan Kristian dari Yaman telah datang berdialog dengan Nabi Muhammad *ﷺ* sebelum berlakunya peristiwa hijrah ke Madinah. Siri-siri dialog antara cendikiawan Islam dan Kristian seterusnya berkembang dalam bentuk yang lebih sistematik dan mula didokumentasikan sejak akhir Dinasti Ummayah dan mencapai kemuncaknya pada zaman Dinasti Abbasiyah. Artikel ini akan menganalisis sebuah karya awal yang merekodkan tema-tema yang diangkat dalam dialog antara Islam dan Kristian pada permulaan Dinasti Abbasiyah yang bertajuk: *Al-Radd Ḥalé al-Naūr* oleh Abū ḤUthmán ḤAmr bin Baír atau lebih dikenali dengan al-JÉlíD. Metode yang digunakan ialah metode analisis dokumen. Sumber utama kajian ini ialah karya al-JÉlíD di samping sumber-sumber sekunder lain yang merekodkan interaksi antara penganut Islam dan Kristian pada era Dinasti Abbasiyah. Kesimpulan awal kajian ini mendapati bahawa sebahagian tema-tema yang diangkat dalam karya al-JÉlíD masih menjadi fokus dalam dialog Islam-Kristian dewasa ini.

Kata kunci: Dialog, Islam-Kristian, al-JÉlíD, Bible.

Pengenalan

¹ Timbalan Rektor Akademik dan Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS), Perak Darul Ridzuan. E-mail: wansabri@kuisas.edu.my

² Pensyarah, Jabatan Usuluddin, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan. E-mail: salman@kuis.edu.my atau zein_hawwa@yahoo.com. Telefon bimbit: +6013-6789550.

Dialog antara agama bukan sesuatu yang asing dalam tradisi Islam. Perkara ini dibuktikan dengan kemunculan karya-karya yang merekodkan dialog-dialog yang berlaku di antara cendikiawan Islam dan penganut agama lain khususnya Kristian. Terdapat cendikiawan barat seperti J. Sharpe menegaskan bahawa konsep dialog antara agama muncul dan berkembang dalam peradaban barat (J. Sharpe, 1975: 1). Walaubagaimanapun, konsep awal dialog antara agama sebenarnya telah wujud seawal kebangkitan Nabi Muhammad *Îallallâhu Ñalayhiwasallam* di semenanjung tanah arab sejak kurun ke 7 masihi (Kamar Oniah, 2003: 6-17). Antara dokumen awal dialog antara agama direkodkan berlaku di antara JaÑafar bin AbË ÙÉlib dan Raja NajÉshÊ yang ketika itu menganut agama Kristian di Habshah (MuÍammad AbË Zahrah, 1993: 265-267).

Era Abbasiyah menyaksikan pembebasan kota-kota besar yang dulunya di bawah kekuasaan empayar Rom di mana agama rasminya adalah Kristian (Fluehr-Lobban, 1994: 85). Perkembangan ini telah mendorong cendikiawan Islam mengkaji agama tersebut dengan lebih mendalam. Perkara ini dilakukan bagi memudahkan mereka untuk berinteraksi dengan penganut Kristian tersebut sekaligus menyampaikan dakwah Islam kepada mereka. Antara cendikiawan Islam terawal yang merekodkan pengkajian terhadap agama Kristian ialah al-JÉíiÐ daripada aliran MuÑtazilah dalam karyanya yang berjudul *al-Radd ÑalÉ al-NaÎérÉ*.

Latarbelakang dan sumbangan intelektual

Al-JÉíiÐ adalah gelaran yang diberikan kepada AbË ÑAmr bin MaÍbËb al-KinnÉnÊ al-LaythÊ, salah seorang cendikiawan MuÑtazilah yang paling menonjol (KhallÉkÉn, 1998: 412). Beliau diberi gelaran al-JÉíiÐ yang bermaksud ‘orang yang memiliki mata menonjol’ kerana keadaan matanya tertonjol keluar yang kelihatan agak ganjil (al-Sam’ani, 1998: 24). Khalifah al-Mutawakkil pernah membantalkan hasratnya untuk mengambil al-JÉíiÐ sebagai guru peribadi anak baginda apabila melihat keadaan matanya yang ganjil (al-Mas’udi, t.t: 97).

Al-JÉíiÐ dilahirkan sekitar tahun 160 hijrah ketika era pemerintahan Khalifah al-ManÎér dalam sebuah keluarga yang miskin. Keadaan ini memaksa beliau bekerja semenjak awal usia untuk menampung perbelanjaan keluarganya. Walaubagaimanapun, kemiskinannya tidak menghalang beliau untuk bersungguh-sungguh menuntut ilmu. Seperti kanak-kanak lain, beliau

dihantar ke institusi yang digelar *al-KuttÉb* dimana beliau belajar al-Qur'an, asas membaca dan menulis. Beliau kemudiannya mengikuti pembelajaran bahasa dan kesusasteraan arab dari institusi yang dikenali dengan *al-MirbÉd* (KhafajÉ, 1973: 57).

Setelah meningkat dewasa, al-JÉÍiD gigih menuntut ilmu dengan guru-guru terbaik pada zamannya. Antara guru-guru beliau yang masyhur ialah AbÉ IsÍÉk al-NaDDÉm dan HuÌayl al-AllÉf, di mana al-JÉÍiD mempelajari akidah dari keduanya. Ilmu Feqah pula dipelajarinya daripada dua orang cendikiwan Muslim tersohor pada ketika itu iaitu, AbÉ YÉsuf dan xammÉd bin Salamah. Sementara ilmu Nahwu dipelajari al-JÉÍiD daripada tiga orang pakar Nahwu yang terkenal di Iraq iaitu Sibawayh, al-KhalÉl AÍmÉd al-FarÉhidÉ dan Abd Malik Qurayb al-AÍmaÑÉ. Beliau juga mendalami ilmu hadith dan tafsir daripada ØÉlih bin BashÉr al-BaÍrÉ dan YaÍyÉ bin SalÉm al-BaÍrÉ (KhafajÉ, 1973: 58).

Kesungguhan al-JÉÍiD menuntut pelbagai disiplin ilmu menjadikan beliau seakan ensiklopedia besar yang menyimpan pelbagai jenis maklumat dan ilmu pengetahuan. Selain menghasilkan karya dalam bidang akidah seperti *al-NabÉ wa al-MutanabbÉ*, *Hujaj alÉ al-Nubuwwah*, *al-Radd ÑalÉ al-Mushabbiyah* dan bidang al-Qur'an seperti karyanya yang berjudul *MasÉ'il al-Qur'an*, *NaÐm al-Qur'Én*, al-JÉÍiD juga direkodkan telah menulis sebuah karya tentang ilmu kimia yang diberi judul *al-KimiyyÉ'* (Yaqut al-Hamawi, t.t: 2118-2120). Pastinya karya beliau yang paling masyhur ialah *al-×ayawÉn*, buku terakhir yang ditulis sebelum kematiannya. *Al-×ayawÉn* ialah sebuah ensiklopedia tujuh jilid yang memaparkan kajian beliau berkaitan binatang-binatang seperti ayam jantan, anjing, lalat, kumbang, kelawar, burung, semut, monyet, khinzir, ular, cicak, zirafah, gajah dan lain-lain (Jabr, t.t: 30-33). Keupayaan al-JÉÍiD menghuraikan tabiat binatang-binatang secara terperinci menggambarkan ketelitian kajian dan pemerhatian langsung beliau terhadap setiap binatang-binatang yang dimuatkan dalam *al-×ayawÉn*.

Kekuatan karya-karya al-JÉÍiD terletak kepada gaya penulisannya yang unik. N.A Newman (1993) memberi komentar terhadap al-Jahiz; "*this is essentially the Jahizian Idea: to write about everything and be affected by nothing*" (N.A newmen, 1993: 695). Berkaitan jumlah keseluruhan karya yang dihasilkan oleh al-JÉÍiD, Ibn NadÉm (1996) menjelaskan bahawa al-JÉÍiD telah menghasilkan sebanyak 170 buah karya yang merangkumi buku-buku yang bersifat

ensiklopedia seperti *al-ṣayawīn* dan risalah-risalah kecil lain seperti *al-Radd Ḥalāl al-Naḥrāt* dan *al-Radd al-Yahūd* (Ibn Nadīm, 1996:402-409).

Kekuatan intelektual al-Jahīz telah menarik minat Khalifah al-Makmun untuk melantik beliau sebagai penasihat *Dīwān al-Rasūl*, sebuah jawatan tinggi dalam hierarki kerajaan pada ketika itu. Walau bagaimanapun, al-Jahiz telah meletak jawatan setelah tiga hari bekerja dengan alasan tidak selesa dengan sikap rakan-rakannya yang tidak serius dalam bekerja (Fawzic NAtwi, 1992: 16). Sememangnya, tabiat semula jadi al-Jahiz yang sentiasa bersungguh-sungguh menjadikan beliau tidak sesuai berada pada posisi tersebut.

Ketika akhir hayatnya, beliau telah menderita penyakit angin ahmar yang menyebabkan sebahagian badannya lumpuh. Walaubagaimanapun, keadaan ini tidak sedikitpun menjelaskan semangatnya untuk terus mengkaji dan membaca. Pada tahun 255 hijrah, ketika sedang membaca di perpustakaan peribadinya, sejumlah besar buku telah jatuh menimpanya. Kejadian ini menyebabkan al-Jahiz telah menghembuskan nafasnya yang terakhir. (Yaqut al-Hamawi, t.t: 2118-2120)

Analisis Terhadap *al-Radd Al-Ḥalāl al-Naḥrāt*

Menurut al-Sharqī (1984), *al-Radd al-Ḥalāl al-Naḥrāt* yang ditulis oleh al-Jahīz sekitar kurun ke- 3 hijrah merupakan satu-satunya karya berkaitan agama Kristian yang ditulis oleh cendikiawan Islam yang berjaya dikesan dalam tempoh masa tersebut (Al-Sharqī, 1984: 11). Oleh yang demikian, tidak menghairankan apabila *al-Radd al-Ḥalāl al-Naḥrāt* mendapat perhatian dari cendikiwan barat contohnya David Richard Thomas yang mengkaji karya ini untuk tesis Phdnya yang bertajuk, ‘*The early Muslim - Christian Dialogue: a collection of Documents from the first Three Islamic Centuries(632 – 900 A.D)*’. Seorang sarjana barat, Hugh Goddard telah meletakkan *al-Radd al-Ḥalāl al-Naḥrāt* sebagai sumber utama dalam penulisannya, ‘*Muslim Perception on Christianity*’ (Salman, 2011: 39).

Penulisan risalah *al-Radd al-Ḥalāl al-Naḥrāt* didorong oleh dua faktor utama: [1] Desakan orang-orang Islam yang meminta supaya al-Jahīz menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh rakan-rakan mereka yang beragama Kristian (David Richard Thomas, 1983: 70-

71). [2] Permintaan daripada Khalifah al-Mutawakkil supaya al-JÉlíD menulis sebuah karya menjelaskan agama Kristian kepada masyarakat Islam (N.A Newman, 1993: 693-694).

Persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh orang-orang Kristian kepada rakan-rakan mereka di kalangan orang-orang Islam ialah:

- 1) Pernyataan al-Qur'an dalam SËrah al-MÉ'idah ayat 116 yang mengaitkan pengakuan orang-orang Kristian yang menganggap Maryam *alaihassalÉm* adalah Tuhan. Orang-orang Kristian mendakwa pernyataan al-Qur'an itu tidak berasas kerana mereka tidak pernah beranggapan sedemikian.
- 2) Terdapat ayat al-Qur'an, iaitu SËrah al-Taubah ayat 30 yang menyatakan bahawa orang-orang Yahudi mendakwa Uzair adalah anak Tuhan. Orang-orang Kristian mendakwa bahawa orang-orang Yahudi tidak pernah beranggapan sedemikian.
- 3) Penceritaan al-Qur'an merujuk kepada sumber yang tidak tepat iaitu SËrah GhÉfir ayat 36-37. Ayat-ayat ini menceritakan dialog yang berlaku di antara Fir'aun dan Haman. Orang-orang Kristian mempertikaikan peristiwa dialog ini kerana mereka mendakwa Fira'un dan Haman hidup dalam zaman yang berbeza.
- 4) Ayat al-Qur'an dalam SËrah Maryam, ayat 7 yang menceritakan bahawa Yahya, nama anak Nabi Zakaria *alayhissalÉm* adalah nama yang tidak pernah digunakan oleh seorang pun sebelum ini. Orang-orang Kristian mendakwa bahawa nama tersebut telah lama digunakan oleh manusia lain sebelum anak Nabi Zakaria *alayhissalÉm*.
- 5) Kebenaran al-Qur'an iaitu, Surah al-NaÍl ayat 43 yang menceritakan bahawa Allah *subhanahu wataala* hanya mengutuskan nabi dan rasul dari kalangan manusia lelaki. Orang-orang Kristian mendakwa fakta ini adalah salah kerana terdapat juga nabi-nabi yang diutuskan di kalangan wanita.
- 6) Orang-orang Kristian mempertikaikan mukjizat Nabi Isa *alayhissalam* yang dirakamkan dalam SËrah Maryam ayat 29-33. Mukjizat tersebut ialah kemampuan baginda berkata-kata ketika masih bayi (al-JÉlíD, 1991: 303-306).

Soalan-soalan yang ditimbulkan oleh penganut Kristian kesemuanya bertujuan mempersoalkan kebenaran al-Qur'an. Oleh yang demikian, penulisan al-JÉlíD dalam *al-Radd alÉ al-NaÎérÉ* adalah satu respon balas kepada persoalan yang berbentuk provokatif orang-

orang Kristian terhadap masyarakat Islam. Justeru, al-JÉlíD tidak memberi respon secara langsung terhadap kesemua persoalan yang diutarakan, sebaliknya memilih menjawab persoalan-persoalan yang membuka ruang kepadanya untuk mempertikaikan doktrin agama Kristian dan keabsahan Bible yang menjadi sumber rujukan utama penganut Kristian.

Oleh yang demikian, boleh disimpulkan bahawa karya al-JÉlíD adalah berbentuk polemik yang bertujuan mengutarakan hujah-hujah yang mendedahkan kelemahan agama Kristian. Dalam karyanya ini, al-JÉlíD didapati telah mengutarakan tiga tema utama berkaitan Kristian iaitu [1] Persepsi masyarakat Islam terhadap penganut Kristian, [2] Doktrin dan sistem kepercayaan agama Kristian, [3] Amalan keagamaan penganut Kristian pada zamannya.

Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Penganut Kristian

Menurut al-JÉlíD, masyarakat Islam bersikap lebih mesra terhadap penganut Kristian berbanding penganut agama-agama lain terutamanya penganut agama Yahudi. Al-Jahiz mengemukakan beberapa faktor yang menyumbang kepada sikap umat Islam ini iaitu, [1] Pemahaman umat Islam terhadap ayat 82 dari Surah al-MÉ’idah, [2] Perlindungan Raja NajÉshÊ kepada para sahabat Nabi Muhammad *sallallÉhu Ñalayhi wasallam* yang berhijrah ke Habshah, [3] Keadaan sosio-ekonomi penganut Kristian yang lebih baik.

1) Pemahaman umat Islam terhadap ayat 82 Surah al-MÉ’idah.

Menurut al-JÉlíD, umat Islam secara umumnya teruja dengan puji Allah *subhÉnahu wataÑÉlÉ* terhadap penganut Kristian yang bermaksud:

Demi Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad) akan dapati manusia Yang keras sekali permusuhananya kepada orang-orang Yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik. dan Demi Sesungguhnya Engkau akan dapati orang-orang Yang dekat sekali kasih mesranya kepada orang-orang Yang beriman ialah orang-orang Yang berkata: "Bahawa Kami ini ialah orang-orang Nasrani" Yang demikian itu, disebabkan ada di antara mereka pendita-

pendita dan Ahli-ahli ibadat, dan kerana mereka pula tidak berlaku sombong. [Al-Ma''idah: 82]. (Salman, 2011:

2) *Perlindungan Raja Najashi terhadap para sahabat Nabi Muhammad sallallÉhu Ñalayhi wasallam.*

Ketika tekanan dan penindasan musyrikin Quraisy makin memuncak, Nabi Muhammad *sallallÉhu Ñalayhi wasallam* telah memerintahkan beberapa orang sahabat yang diketuai oleh JaÑfar bin AbË ÙÉlib untuk berhijrah ke Habsyah. Pemerintah Habsah ketika itu, Raja Najashi yang masih beragama Kristian telah menyambut mereka dengan baik, malah telah menolak tawaran hadiah dari utusan Mekah yang meminta baginda mengembalikan orang-orang Islam ke Mekah. Insiden ini telah tertanam teguh dalam pemikiran umat Islam sehingga mendorong mereka memandang penganut Kristian lebih mulia berbanding orang-orang Yahudi dan penganut agama-agama lain.

3) *Keadaan sosio-ekonomi penganut Kristian.*

Terdapat ramai di kalangan penganut Kristian yang menduduki jawatan-jawatan penting dalam kerajaan Bani Abbasiah, contohnya JurjÈs bin YakhtishuÑ yang merupakan doktor peribadi kepada Khalifah al-MansÈr, Ibn BaÑrÈq dan YËíannÈ bin IsÍÉq telah berkhidmat sebagai penterjemah rasmi kerajaan di bawah pemerintahan al-MakmÈn (Shahin, t.t: 34, 46). Keadaan ini menyebabkan penganut Islam lebih memandang tinggi orang-orang Kristian berbanding penganut-penganut agama lain, terutamanya orang-orang Yahudi yang menurut al-JÉÍiÐ, kebanyakannya mereka bekerja sebagai buruh kasar (Salman, 2011:49-57).

Doktrin dan sistem kepercayaan agama Kristian

Antara isu-isu berkaitan doktrin agama Kristian yang diutarakan oleh al-JÉÍiÐ ialah, [1] Penafian penganut Kristian terhadap mukjizat Nabi Isa ÑalayhissalÉm sewaktu kecil, [2] Status Ketuhanan Nabi Isa ÑalayhissalÉm, [3] Konsep hukuman dunia dan akhirat dalam agama Kristian.

1) *Penafian penganut Kristian terhadap mukjizat Nabi Isa ÑalayhissalÉm*

Menurut al-JÉÍiÐ, penganut Kristian pada zamannya tidak mempercayai mukjizat Nabi Isa ÑalayhissalÉm yang mampu bercakap ketika masih bayi. Peristiwa ini dirakamkan oleh Allah dalam Surah Maryam ayat 29-33 .Penganut Kristian mendakwa bahawa bukti kepalsuan kisah ini ialah kitab-kitab suci mereka iaitu Injil Luke, Injil John, Injil Matthew dan Injil Mark tidak pernah meriwayatkannya. Al-JÉÍiÐ sebaliknya berhujah dan menegaskan bahawa kisah mukjizat Nabi Isa ÑalayhissalÉm tidak ditemui kerana telah berlaku penyelewengan dalam kesemua Injil –Injil tersebut. Antara bukti-bukti penyelewengan tersebut menurut al-JÉÍiÐ ialah percanggahan riwayat-riwayat dalam Injil tentang Nabi Isa ÑalayhissalÉm. Selain itu al-JÉÍiÐ juga mengkritik orang-orang Kristian yang mempertahankan hujah mereka dengan mengatakan mukjizat Nabi Isa ÑalayhissalÉm ini tidak benar kerana orang-orang Yahudi dan Majusi tidak pernah meriwayatkannya dalam kitab-kitab suci agama mereka. Beliau menegaskan bahawa adalah tidak logik untuk menjangkakan mukjizat Nabi Isa ÑalayhissalÉm boleh ditemui di dalam kitab-kitab mereka kerana sejak awal lagi mereka tidak pernah beriman kepada baginda.

2) Status ketuhanan Nabi Isa ÑalayhissalÉm

Al-JÉÍiÐ menjelaskan bahawa orang-orang Kristian pada zamannya yang terdiri daripada penganut Kristian aliran Jacobite, Melkite dan Nestoriate semuanya mendakwa Isa adalah anak tuhan. Al-JÉÍiÐ mengemukakan hujah seandainya Isa adalah tuhan kerana dilahirkan tanpa ayah, Nabi Adam ÑalayhissalÉm pada hakikatnya adalah lebih patut dianggap sebagai anak tuhan kerana tidak mempunyai ibu dan ayah. Selain itu, al-JÉÍiÐ mempersoalkan keistimewaan Nabi Isa ÑalayhissalÉm berbanding manusia lain sehingga boleh diangkat menjadi tuhan. Ini kerana, menurut al-JÉÍiÐ, Nabi Isa ÑalayhissalÉm juga sama tabiat dan sifatnya seperti manusia lain yang makan, minum dan melakukan segala perkara lain yang dilakukan oleh manusia biasa.

3) Konsep hukuman dunia dan akhirat menurut penganut Kristian

Al-JÉÍiÐ membangkitkan konsep hukuman terhadap kesalahan jenayah yang tidak wujud dalam agama Kristian. Berbeza dengan ajaran Yahudi, di mana menurut al-Jahiz, undang-undang jenayah seperti hukuman Qisas didapati direkodkan dalam kitab Taurat mereka. Al-JÉÍiÐ juga menjelaskan bahawa penganut Kristian tidak mempercayai konsep pembalasan neraka bagi mereka yang melakukan dosa. Oleh yang demikian, beliau menegaskan bahawa ketidaaun hukuman tertentu terhadap pesalah jenayah dan pembalasan neraka mendorong berlakunya huru-

hara dalam masyarakat kerana manusia tidak takut melakukan kesalahan jenayah dan perbuatan dosa (Salman, 2011:58-77).

Amalan keagamaan penganut Kristian

Antara amalan keagamaan golongan agamawan Kristian yang dijelaskan al-JÉÍiÐ dalam *al-Radd ÑalÉ- al-NaÎÉrÉ* ialah amalan pertapaan oleh sebahagian mereka dengan cara mengasingkan diri ke biara untuk beribadat . Mereka juga mengelakkan diri daripada memakan daging dan berkahwin. Selain itu, al-Jahiz turut mengkritik keengganan penganut lelaki Kristian melakukan amalan berkhatan dan menggauli isteri mereka sekalipun dalam keadaan menstruasi (Salman, 2011:77-80).

Penutup

Penelitian terhadap karya *al-Radd ÑalÉ- al-NaÎÉrÉ* menyimpulkan bahawa al-JÉÍiÐ mengemukakan doktrin dan ajaran Kristian dalam bentuk polemik yang bertujuan menimbulkan persepsi negatif umat Islam terhadap agama Kristian. Corak penulisan al-JÉÍiÐ ini didorong oleh sikap defensif beliau terhadap kekeliruan umat Islam lanjutan interaksi dan dialog mereka dengan masyarakat Kristian.

Dalam *al-Radd ÑalÉ- al-NaÎÉrÉ*, al-JÉÍiÐ menggambarkan kondisi masyarakat Kristian yang hidup bebas dalam sebuah masyarakat dan negara yang dikuasai oleh pemerintah Islam. Orang-orang Kristian bukan sahaja dibenarkan menjawat jawatan penting dalam kerajaan, bahkan mereka bebas mengamalkan agama mereka dan berdialog dengan masyarakat Islam sekalipun yang menyentuh isu-isu yang sensitif seperti kebenaran al-Qur'an dan seumpamanya.

Isu-isu yang dibangkitkan al-JÉÍiÐ sebahagiannya masih dominan dalam dialog antara agama di zaman kontemporari terutamanya isu berkaitan ketuhanan Nabi Isa *alayhissalam*, ketulenan Bible yang menjadi sumber agama Kristian, dan amalan-amalan Nabi Isa *alayhissalam* seperti berkhatan yang tidak diamalkan lagi oleh penganut Kristian. Kelihatannya, isu-isu ini masih relevan dan menjadi topik hangat yang sentiasa mendominasi dialog Islam dan Kristian.

Bibliografi

- Al-JÉíD, AbË ÑUthmÉn ÑAmr ibn MaÍbËb.1991. *Al-Radd ÑalÉ al-NaÎérÉ*. Ed. ‘Abd al-SalÉm MuÚammad HÉrËn.BayrËt: DÉr al-JÊl.
- Al-MasÑËdÊ, Abi al-Hasan ÑAlÊ bin al-Husayn, *MurËj al-Dhahab wa MaÑÉdin al-Jawhar*, ed. MusËafÉ al-Sayyid. Al-Maktabah al-Waqfiyyah. Vol.4.
- Al-RËmÊ, YÉqËt al-HamawÊ, *MuÑjam al-UdabÉ’ IrshÉd al-ArËb ilÉ MaÑrifat al-AdËb*, ed. IÍsËn ÑAbbËs. BayrËt: DÉr al-Gharb al-IslÉmÊ.
- Al-Sam’ani, Abi Sa’ad ‘Abd al-Karim bin Muhammad bin Mansur. 1998. *Al-AnsÉb*. Ed. Muhammad ‘Abd al-Qadir ‘AËo. BayrËt: DÉr al-Kutub al- ‘Ilmiyyah. Vol. 2
- Al-Sharqâwî, MuÚammad ÑAbdullah. 1984. *Al-Mukhtär fî al- Radd Ñala al-NaÎarâ ma’ a Dirâsah TaÍliliyyah Taqwîmiyyah*. Al-Qâhirah: Dâr Al-ŞoÍwah.
- Fluehr- Lobban, Carolyn. *Islamic Society in Practice*. University Press of Florida.1994.
- Goddard, Hugh, *Muslims perceptions of Christianity*. London: Grey Seal Books.
- Goddard, Hugh. 2000. *A History of Christian Muslim Relations*. Cambridge: Edinburgh University Press.
- Ibn al-Nadim, Abu ‘l-Faraj Muhammad Ibn Ishaq. 1998.*The Fihrist*, ed., Trans. By Bayard Dodge.(Chicago: Kazi Publications.
- Jabr, JamÊl, *Al-JÉíD FÊ HayÉtihÊ wa AdabihÊ wa FikrihÊ*. DÉr al-KitÉb al-LubnÉnÊ.
- Kamaruzaman, Kamar Oniah. *Early Muslim Scholarship in Religionswissenschaft*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia. 2003.
- Khafaji, Muhammad ‘Abd al-Mun’im. 1973. *AbË UthmÉn al-JÉíD*. BayrËt: DÉr al-KitÉb al-BannËnÊ.

- Khallik n, Ab  al- Abb s Ahmad bin Muhammad bin Ibr h m bin Ab  Bakr. 1998. *Wafayy t al- Ay n wa Anb ' Abn ' al-Zam n*. Ed. Y suf 'Al   aw l. (Bayr t: D r al-Kutub al- Ilmiyyah).
- N.A. Newman. 1993. *The Early Muslim- Christian Dialogue: a Collection of Documents from the First Three Islamic Centuries (632 – 900 A.D)*. Translation with Commentary.(USA: Interdisciplinary Biblical Research Institute.
-  Atwi, Fawz . 1992. *Al-J i D Dairat Ma rif O rih *. Bayr t: D r al-Fikr al- rab .
- Richard Thomas, David. 1983. *Anti-Christian Polemic in Early Muslim Theology*. Unpublished Thesis. The British Library Lending Division.
- Salman Zainal Abidin. *Al-J i D's Views on Christianity with Special Reference to al-Radd  al-Na r *. Tesis Sarjana: International Islamic University Malaysia. 2003.
- Sharpe, Eric J. *Comparative Religion, A History*. 1st ed. London: Gerald Duckworth and Company Ltd. 1975.
- Sh h n, Hasan  Abd al-Nabiyy Ibr h m, *Ahl al-Dhimmah fi Bil d al-Sh m wa al-Jaz rah Khil l al- Asr al- Abb s   al-Awwal*. (Unpublished PhD Thesis).